

23 SEP 1997

MAHATHIR SAMPAIKAN BIASISWA PERDANA KEPADA TUJUH PENERIMA PERTAMA

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan Biasiswa Perdana yang pertama kali diadakan, kepada tujuh penuntut lepas ijazah yang sedang melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah dan sarjana dalam pelbagai bidang di luar negara.

Biasiswa itu yang diadakan di bawah Program Pertukaran Fellowship Perdana Menteri -- sebuah yayasan yang ditubuhkan pada 1995 -- bertujuan menggalakkan kecemerlangan pendidikan di kalangan rakyat Malaysia melalui kajian dan penyelidikan dalam semua lapangan ilmu pengetahuan untuk membantu negara mencapai matlamat Wawasan 2020.

Penerima itu ialah Aida Othman, Lim Kian Tick, Wan Haslina Hassan, Abdul Razak Abdul Aziz, Hasniza Mohd Hassan, Mohamad Fahmi Ngah dan Yu Ei Leen.

Selepas penyampaian biasiswa itu, Dr Mahathir menghadiri Syarahan Perdana 1997 bertajuk "Cabaran Terhadap Dasar Kesihatan Dalam Negara Moden" oleh Prof Victor R. Fuchs, dari Stanford University, Amerika Syarikat.

Prof Fuchs merupakan pakar yang terkenal dalam penjagaan kesihatan dan hasil kerjanya telah mempengaruhi kelahiran generasi baru ahli profesional dalam bidang itu. Beliau telah menulis sembilan tajuk buku, mengedit enam buku lagi dan menerbitkan lebih seratus rencana. -- BERNAMA

RA NMO